

IKLAN

1

CONTOH JALAN CERITA DRAMA:

Kisah masyarakat di rumah pangsa yang ramah-tamah dan benci akan kacau-bilau dan keadaan porak-peranda. Mereka bersatu menempuhi warna-warni kehidupan.

Acara Drama Pendek Patriotik

1. Tema persembahan ialah jati diri dan nilai patriotik sebagai rakyat Malaysia.
2. Peserta perlu memastikan karya-karya mereka asli dan tidak menyentuh sensitiviti kaum dan agama.
3. Jawatankuasa pertandingan berhak membatalkan penyertaan jika berlaku peniruan karya secara besar-besaran.
4. Pelakon drama mestilah tidak melebihi 15 orang.
5. Juri akan meneliti aspek bantu-membantu setiap pelakon dan kepelbagaian kaum dalam persembahan. Kedua-dua elemen ini mesti dititikberatkan.
6. Alat-alat muzik, hiasan pentas dan pakaian disediakan sendiri oleh peserta.
7. Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi urus setia menerusi talian 011-2345678.

IKLAN

2

CONTOH SENI KATA BORIA:

Marilah sahabat dan teman-teman Bersatu tampilkan jiwa warganegara Semangat setia kawan kita serlahkan Tunjuk kecekalan dan jiwa membara

Acara Boria Jiwa Warganegara

1. Tema persembahan ialah semangat kewarganegaraan.
2. Semasa dalam berbalas-balas kata, peserta tidak boleh membangkitkan isu-isu sensitiviti kaum dan agama.
3. Setiap ahli kumpulan mestilah tidak melebihi 20 orang.
4. Seni kata lagu mempunyai nilai-nilai murni dan amalan-amalan baik. Pergerakan-pergerakan dalam boria hendaklah sopan dan beradab.
5. Persembahan mestilah dalam dua bahagian, iaitu pengenalan (sketsa lawak jenaka) dan persembahan (nyanyian).
6. Alat muzik, hiasan pentas dan busana-busana peserta disediakan sendiri oleh peserta.
7. Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi urus setia menerusi talian 011-2345678.

A. Baca petikan di atas, kemudian senaraikan kata ganda dalam ruangan yang disediakan.

Kata ganda penuh

Kata ganda berimbuhan

Kata ganda berentak

B. Lengkapkan ayat di bawah menggunakan kata ganda yang telah disenaraikan di atas.

1. Penduduk kampung ini sungguh _____ kerana sering bertegur sapa.
2. Suasana di kawasan perkelahan itu menjadi _____ apabila hujan turun secara tiba-tiba.
3. Pelukis itu telah banyak menghasilkan _____ seni yang menarik.
4. Majlis perkahwinan kakak saya telah berlangsung secara _____.
5. Kita perlu mengamalkan sikap saling _____ agar keharmonian negara sentiasa terpelihara
6. Cikgu Ramli mengingatkan kepada semua murid agar menggunakan _____ muzik yang dipinjamkan dengan cara yang betul dan berhemah.
7. Polis dan penjenayah itu _____ tembakan dalam satu kejadian rompakan di sebuah kedai emas.
8. Rumah tangga Puan Siti dan Encik Ikram _____ kerana masalah sikap yang sering ditimbulkan oleh anak mereka.
9. _____ datuk dan nenek saya telah lama meninggal dunia.
10. Sebagai rakyat Malaysia yang prihatin kita perlu sentiasa mengamalkan _____ murni dalam diri.